

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BIL. 1 TAHUN 1989

DASAR PINDAH MILIK UNTUK PEMBANGUNAN

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah Jajahan bahawa Kerajaan Negeri telah menetapkan dasar pindahmilik tanah untuk pembangunan sebagaimana Pekeliling Pejabat ini Bil. 3/88.

2. Mengikut para 1.3 Pekeliling tersebut, tanah milik Orang-Orang Bukan Melayu yang telah dimajukan hendaklah dijual 30% kepada orang Melayu dan 70% kepada Orang Bukan Melayu. Baru-baru ini Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 11.1.1989 di bawah perkara lain-lain hal telah mengkaji semula dasar tersebut dan membuat keputusan seperti berikut :-

- a. Kuota bagaimana disebut dalam para 1.3. Pekeliling 3/88 tidak boleh dipakai bagi tanah-tanah yang asalnya dimiliki oleh Orang Melayu.
- b. Mana-mana pindahmilik tanah kepunyaan Orang Melayu kepada Bukan Melayu sekiranya hendak mendapat kelulusan hendaklah dikenakan Sekatan Kepentingan seperti berikut :-

“Tanah yang terkandung dalam hakmilik ini tidak boleh digadai, dipindahmilik dan dipajak melainkan dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri kecuali untuk pindahmilik kepada Orang Melayu Peranakan Kelantan”.

3. Dengan ini Pekeliling P.T.G Kelantan Bil. 3/88 adalah dipinda dengan menambah para (a) dan (b) di atas selepas para 1.3. Pekeliling tersebut.

4. Pekeliling ini dikuatkuasa dengan serta-merta.

t.t

(Tengku Elias Bin Tengku Mahmood),
b.p. PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN,
BLOK 3, TINGKAT BAWAH,
KOTA DARULNAIM,
15576, KOTA BHARU**

BERTARIKH : 12 HB. FEBRUARI 1989

KEPADA :

Semua Pentadbir Tanah Jajahan, Kelantan.

SALINAN KEPADA :

1. YAB. Tan Sri Menteri Besar, Kelantan.
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar, Kelantan.
3. YB. Tuan Setiausaha Kerajaan, Kelantan.
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
6. YABrs. Pengarah Ukur Negeri Kelantan.
7. YABrs. Pengurus Besar KESEDAR.
8. YABrs. Pengarah Penyelesaian Tanah Negeri Kelantan.
9. YBrs. PSU Perumahan, Pejabat S.U.K. Kelantan.

FAIL : **P.T.G. KN. SULIT BIL. 1/2/4**
 P.T.G. KN. 11575/JLD. 3